

**BAB DUA**  
**PERKAHWINAN KERANA DIJODOHKAN**  
**MENURUT PERSPEKTIF HUKUM SYARAK**

**2.0 Pendahuluan**

Dalam bab dua ini, pengkaji akan menerangkan definisi perkahwinan kerana dijodohkan lebih terperinci. Pengkaji juga menjelaskan perkahwinan kerana dijodohkan menurut perspektif hukum syarak dan kesan perkahwinan yang dijodohkan.

**2.1 Pengertian Perkahwinan Kerana Dijodohkan**

Perkahwinan menurut bahasa berasal dari bahasa Arab, iaitu berasal dari kata (نكح - ينكح - نكاح). Dan pengertian bagi perkataan nikah ini mempunyai erti hakiki dan erti majazi. Makna hakikinya iaitu mengumpulkan, saling memasukkan, bergabung. Dan erti majazinya digunakan untuk erti bersetubuh atau الوطئ. Perkataan nikah sendiri sering digunakan untuk erti persetubuhan juga untuk erti akad nikah<sup>1</sup>.

Dalam kamus dewan, kahwin iaitu perikatan yang sah antara lelaki dengan perempuan menjadi suami isteri.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup>H. Abd. Rahman Ghazaly, *Fiqh Munakahat*, cet. ke-2, (Jakarta: Kencana, 2006), 7.

<sup>2</sup>*Kamus Dewan*, 654.

Al-Quran menggunakan perkataan nikah untuk makna tersebut, di samping makna majazi diertikan sebagai hubungan seks. Perkataan ini dalam pelbagai bentuknya dijumpai sebanyak 23 kali. Dari segi bahasa pada mulanya kata nikah digunakan dalam erti berhimpun. Al-Quran juga menggunakan kata *zawaja* dan *zawj* yang bermaksud pasangan untuk erti di atas. Ini kerana perkahwinan menjadikan seseorang untuk memiliki pasangan<sup>3</sup>.

Di dalam kitab *Subul al-Salam* dikatakan bahawa kahwin dari segi bahasa adalah merapatkan, menggenggam dan saling memasukkan serta percampuran. Perkataan kahwin itu dalam pengertian persetubuhan dan akad. Ada yang mengatakan kahwin itu majaz dari ungkapan secara umum bagi nama penyebab atau sebab. Ada juga yang mengatakan bahawa kahwin itu adalah pengertian hakikat bagi keduanya<sup>4</sup>.

Adapun perkataan jodoh iaitu suami atau isteri yang bakal menjadi teman hidup selamanya untuk menanggung suka dan duka bersama-sama<sup>5</sup>. Sebuah perkataan yang mendapat awalan *di* diertikan sebagai yang dikenakan sesuatu atau yang menjadi objek penderita dalam suatu perbuatan. Sehingga perkataan dijodohkan dapat diertikan iaitu seseorang yang mendapat teman hidup (suami/isteri), bukan atas dasar pilihannya sendiri akan tetapi orang lainlah yang mencarikan seperti ibu bapa, saudara, dan lain-lain yang memiliki hubungan darah dengannya, sama ada yang dijodohkan bersetuju ataupun tidak bersetuju.

---

<sup>3</sup>Quraisy Syihab, *Wawasan Al Quran*, cet. ke-8 (Bandung: Mizan, 1998), 191.

<sup>4</sup>Al-San'ani, *Subul al-Salam* (Bayrut: Dar al-Fikr, 782), 393.

<sup>5</sup>Sulchan Yasyin, *Kamus Pintar Bahasa Indonesia* (Surabaya: Amanah, 1995), 98.

## 2.2 Perspektif Hukum Syarak

Allah telah menciptakan manusia berpasang-pasangan supaya beroleh suatu ketenangan, kesenangan, ketenteraman, kedamaian, dan kebahagiaan. Hal ini menyebabkan setiap lelaki dan perempuan mendambakan pasangan hidup yang memang merupakan fitrah manusia. Perkahwinan merupakan sunnah dari Rasul. Islam mensyariatkan dijalinnya pertemuan antara lelaki dan perempuan, selanjutnya mengarahkan pertemuan tersebut sehingga terlaksananya suatu perkahwinan. Perkahwinan pada hakikatnya merupakan sebuah amalan yang disyariatkan dan sangat ditekankan untuk dijalani pada hak setiap orang yang memiliki syahwat dan mampu untuk melangsungkannya.

Berkahwin merupakan saat yang penting bagi perjalanan kehidupan manusia. Seperti halnya sebuah baju, perkahwinan mempunyai majelis yang terus berubah. Kisah di zaman Rasul dahulu, suatu ketika Habibah binti Sahl datang kepada Rasulullah SAW. Dia berkata, “Kalau bukan kerana takut kepada Allah ketika dia masuk, niscaya sudah kuludahi mukanya.”

Memang sebelumnya Habibah belum pernah melihat suaminya sampai saat malam pertama tiba. Sebagaimana perempuan di zamannya, dia masih percaya pada orang tua dalam memilih jodoh. Tak terpikir olehnya, bahawa orang tua yang dicintainya akan tega memilhkan suami untuk dirinya seperti Thabit bin Qois, yang baik kadar imannya tetapi buruk wajahnya.

Habibah mengungkapkan kekecawaannya pada Rasul, “Ya Rasulullah, aku mempunyai wajah yang cantik sebagaimana engkau lihat, sedang Thabit adalah

lelaki yang buruk wajahnya.” Inilah yang telah membuat Habibah tidak boleh sepenuhnya menerima Tsabit sebagai suaminya, tentu masih dengan masalah klasik : iaitu wajah.

“Wahai Rasulullah, kepalaku tidak dapat bertemu dengan kepala Thabit selamanya. Aku pernah menyingkap kemah, lalu aku melihat dia sedang bersiap-siap, ternyata ia sangat hitam kulitnya, pendek sangat tubuhnya, dan buruk sangat wajahnya. Ya Rasulullah, aku tidak mencela akhlak maupun agama suamiku. Tapi aku tidak menyukai kekufuran dalam Islam,” kata Habibah. Rasulullah SAW bertanya, “Maukah engkau mengembalikan kebun pemberian suamimu?” Habibah menjawab, “Ya,” Maka Rasulullah SAW bersabda, “Terimalah kebun itu hai Tsabit, dan jatuhkanlah talak satu kepadanya!” Atas perintah rasul, akhirnya mereka bercerai. Inilah kisah khulu’ (gugatan cerai istri kepada suami) yang terjadi pertama kali dalam sejarah hukum Islam.<sup>6</sup>

Tetapi sekarang, mungkin orang tidak akan bersetuju jika ada orang tua yang menjodohkan anak-anaknya kerana sekarang zaman telah berubah. Remaja sekarang umumnya melalui masa perkenalan dan saling memahami calon pasangan hidupnya terlebih dahulu sebelum memasuki masa perkahwinan.

Ada pelbagai hal yang membuat perjodohan menjadi tidak popular lagi. Konsep mengahwini seseorang yang tidak (belum) kita cintai bahkan asing adalah sesuatu yang sulit diterima sebahagian besar orang sekarang ini, tetapi ada pendapat yang tidak bersetuju dengan alasan cinta boleh tumbuh kerana selalu bertemu. Perkahwinan atas dasar cinta pun belum tentu bahagia kerana cinta boleh mati seiring dengan waktu dan keadaan yang dijalani, walaupun di awal perkahwinan

---

<sup>6</sup>Ash-Shubaihi, Abu ‘Abdirrahman Sayyid bin ‘Abdirrahman, *Bingkisan ‘tukKeduaMempelai*, (Maktabah Al-Ghuroba’), 451

begitu sangat suka dan cinta. Di sisi lain, orang boleh beralasan bahawa sifat dan tabiat boleh berubah dalam menjalani kehidupan berumah tangga, sehingga yang terpenting adalah berdasarkan pada iman yang sama.

Perkahwinan oleh al-Quran disebut dengan perkataan nikah dan *mīḥaq* (perjanjian). Terlepas dari pengertian kahwin yang telah menjadi pengertian umum. Maka nikah bererti juga *ittifāq* (kesepakatan) dan *mukhālatat* (percampuran). Jadi perkahwinan atau pernikahan bermakna suatu perjanjian atau kesepakatan untuk bercampur atau bergaul dengan sebaik-baiknya antara seorang lelaki dengan seorang perempuan dalam status suami isteri.<sup>7</sup>

Sementara itu para ulama fiqh memberi makna kahwin secara berbeza sebagaimana pendapat yang dikemukakan oleh para imam mazhab berikut ini, iaitu:

- a. Golongan Hanafiyyah mengertikan nikah sebagai akad yang memanfaatkan, memiliki, dan bersenang-senang dengan sengaja.
- b. Golongan Syafi'iyah mengertikan nikah iaitu akad yang mengandungi ketentuan hukum boleh *waṭa'* (bercampur) dengan lafaz nikah atau *tazwīj* atau yang semakna dengan keduanya.
- c. Golongan Malikiyyah mengertikan nikah iaitu akad yang mengandungi ketentuan hukum semata-mata untuk membolehkan *waṭa'*, bersenang-senang dan menikmati apa yang ada pada diri seorang perempuan yang boleh berkahwin dengannya.<sup>8</sup>

---

<sup>7</sup>Rif'at Syauqi Nawawi, *Sikap Islam tentang Poligami dan Monogami*, dalam Chuzaimah T. Yanggo, 1994, 98.

<sup>8</sup>Djamaan Nur, *Fiqh Munakahat* (Semarang: Dina Utama, 1993), 2-3.

Daripadamakna-makna nikah di atas, sekalipun berbeza rumusnya, tetapi para ulama mempunyai kesamaan dalam memandang perkahwinan iaitu sebagai suatu akad atau perjanjian. Hanya penekanan yang diakibatkan oleh akad itu sedikit berbeza. Menurut ulama Hanafiyyah, akad nikah membawa akibat suami berhak memiliki kesenangan dari isterinya. Bagi Ulama Syafi'iyah, akad nikah membawa akibat suami memiliki kesempatan untuk melakukan *wata'* dengan isterinya. Sedangkan ulama Malikiyah, akad membawa akibat suami berhak mendapatkan *talazzuz* (kelazatan) dari isterinya.<sup>9</sup>

Dari penjelasan di atas, dapat diketahui bahawa para ulama zaman dahulu memandang nikah dari satu segi sahaja, iaitu kebolehan hukum antara seorang lelaki dengan seorang perempuan untuk berhubungan dengan hal yang semula dilarang. Tetapi berbeza dengan para ulama *mutaakhirin* yang telah memasukkan hak dan kewajiban suami-isteri ke dalam pengertian kahwin. Sementara itu dalam peraturan perundangan di Indonesia, perkahwinan diertikan sebagai ikatan zahir batin antara seorang lelaki dengan seorang perempuan sebagai suami isteri dengan tujuan membentuk keluarga (rumah tangga) yang bahagia dan kekal berdasarkan ketuhanan yang Maha Esa.

Sebagai suatu akad, perkahwinan mempunyai rukun dan syarat yang harus dipenuhi untuk sahnya perkahwinan tersebut. Rukun merupakan unsur yang wajib ada dalam satu akad, sedangkan syarak dijadikan sebagai sandaran atau tidaknya suatu akad. Kerana itu rukun dan syarat dalam perkahwinan dijadikan sebagai hal yang paling penting yang harus diperhatikan untuk terlaksananya cita-cita mewujudkan rumah tangga *sakinah, mawaddah* dan *rahmah* sebagai suatu hal yang suci.

---

<sup>9</sup>*Ibid.*, 7.

Adapun tujuan perkahwinan tidak terlepas dari pernyataan al-Quran sebagai sumber ajaran yang pertama. Tujuan perkahwinan dapat dilihat dari tiga aspek iaitu:

a. Aspek Agama (Ibadah).

Iaitu perkahwinan merupakan pertalian yang sangat kuat antara suami isteri dan keturunannya, selain itu juga merupakan sunnah rasul dan mengerjakannya merupakan ibadah. Pertalian tersebut merupakan pertalian yang suci untuk memperkembangkan manusia sebagai bahagian dari rahmat Allah SWT. Sebagaimana firman-Nya:

يَتَّيْمُنَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ زَوْجَهُمَا مِنْهَا وَنَسَّ مِنْهَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ ۖ وَالْأَرْحَامَ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿١﴾

Maksudnya: “Hai sekalian manusia, bertakwalah kepada Tuhan-mu yang telah menciptakan kamu dari seorang diri, dan dari padanya Allah menciptakan isterinya; dan dari pada keduanya Allah memperkembang biakkan laki-laki dan perempuan yang banyak. dan bertakwalah kepada Allah yang dengan (mempergunakan) nama-Nya kamu saling meminta satu sama lain, dan (peliharalah) hubungan silaturahmi. Sesungguhnya Allah selalu menjaga dan mengawasi kamu”.

Surah al-Nisa’ (4): 1

b. Aspek Sosial.

Iaitu memberikan perlindungan serta memberikan *sakinah* kepada perempuan yang secara fizik dianggap lemah, sebagaimana firman Allah SWT dalam al-Quran:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ ۚ فَالْصَّالِحَاتُ قَنَاطَتْ حِظْفَظًا لِلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ ۚ

وَالَّتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَأَهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ  
وَأَصْرِبُوهُنَّ ۗ فَإِنْ أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا  
كَبِيرًا ﴿٣٤﴾

Maksudnya: “Kaum lelaki itu adalah pemimpin bagi kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian yang lain (perempuan), dan kerana mereka (lelaki) telah menafkahkan sebahagian dari harta mereka. sebab itu Maka perempuan yang salehah, ialah yang taat kepada Allah lagi memelihara diri ketika suaminya tidak ada, oleh karena Allah telah memelihara (mereka). wanita-wanita yang kamu khawatir nusyuznya, Maka nasihatilah mereka dan pisahkanlah mereka di tempat tidur mereka, dan pukullah mereka. kemudian jika mereka mentaatimu, Maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkannya. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha besar”.

Surah al-Nisa’ (4): 34

c. Aspek Hukum.

Iaitu perkahwinan merupakan suatu akad perjanjian yang lurus antara suami isteri untuk membina rumah tangga. Sebagai suatu perjanjian kedua pihak terikat dengan perjanjian yang dibuatnya. Kerana itu dengan akad nikah menimbulkan hak dan kewajiban di antara suami isteri. Perkahwinan sebagai ikatan yang suci dan kuat juga dinyatakan dalam al-Quran:

وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ مِنْكُمْ طَوْلًا أَنْ يَنْكِحَ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ فَمِنْ مِمَّا مَلَكَتْ  
أَيْمَانُكُمْ مِّنْ فَتَيَاتِكُمُ الْمُؤْمِنَاتِ ۗ وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِإِيمَانِكُمْ ۖ بَعْضُكُم مِّنْ بَعْضٍ  
فَأَنْكِحُوهُنَّ بِإِذْنِ أَهْلِهِنَّ وَءَاتُوهُنَّ أَجُورَهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ مُحْصَنَاتٍ غَيْرَ

مُسْفِحَتٍ وَلَا مُتَّخِذَاتٍ أَخْدَانٍ ۚ فَإِذَا أُحْصِنَ فَإِنَّ أَتَيْنَ بِفَاحِشَةٍ فَعَلَيْهِنَّ  
 نِصْفُ مَا عَلَى الْمُحْصَنَاتِ مِنَ الْعَذَابِ ۚ ذَٰلِكَ لِمَنْ خَشِيَ الْعَنَتَ مِنْكُمْ وَأَنْ  
 تَصْبِرُوا خَيْرٌ لَّكُمْ ۗ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٠﴾

Maksudnya: “Dan sesiapa di antara kamu (orang merdeka) yang tidak cukup perbelanjaannya untuk mengahwini perempuan merdeka juga beriman, ia boleh mengahwini perempuan yang beriman, dari budak-budak yang kamu miliki. Allah mengetahui keimananmu; sebahagian kamu adalah dari sebahagian yang lain, kerana itu kahwinilah mereka dengan seizin tuan mereka, dan berilah mahar mereka menurut yang patut, sedang mereka pun wanita-wanita yang memelihara diri, bukan penzina dan bukan (pula) wanita yang mengambil lelaki lain sebagai piaraannya; dan apabila mereka telah menjaga diri dengan kahwin, kemudian mereka melakukan perbuatan yang keji (zina), Maka atas mereka setengah hukuman dari hukuman perempuan merdeka yang bersuami. (Kebolehan mengahwini budak) itu, adalah bagi orang-orang yang takut kepada kesusahan menjaga diri (dari perbuatan zina) di antara kamu, dan kesabaran itu lebih baik untukmu. dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang”.

Surah al-Nisa’ (4): 25

Sebagai suatu perjanjian maka perkahwinan ini mempunyai tiga ciri-ciri khas  
 iaitu:

1. Perkahwinan tidak dapat dilakukan tanpa adanya unsur kesukarelaan atau bersetujunya dari kedua pihak.
2. Masing-masing pihak yang mengikat diri dalam perjanjian, memiliki hak untuk membatalkan perjanjian tersebut berasaskan ketentuan-ketentuan hukum yang sudah ada.
3. Persetujuan perkahwinan tersebut mengatur batas-batas hukum hak dan kewajiban pihak masing-masing.<sup>10</sup>

<sup>10</sup>Ibid., 10.

Dari pelbagai aspek erti kahwin yang diuraikan di atas, maka tujuan perkahwinan sebenarnya dapat disimpulkan pada dua hal iaitu: pemeliharaan moral dan kesucian serta cinta dan kasih sayang yang abadi. Dengan perkahwinan manusia dapat memenuhi keperluan biologinya secara wajar dalam batas-batas yang telah ditetapkan Allah, sehingga dapat terhindar dari perbuatan yang tercela dan terpeliharanya nasab dengan jelas serta dengan perkahwinan akan menimbulkan rasa cinta dan kasih sayang untuk mendorong adanya tanggungjawab dalam aspek yang luas.

Dari penjelasan di atas dapat difahami bahawa, tujuan perkahwinan iaitu:

- a. Untuk memelihara dan membina kualiti keturunan secara berterusan dalam pembinaan keluarga sepanjang masa yang di redhai Allah. Dengan perkahwinan pula bererti mentaati Rasul, dengan sunnah keturunan menjadi jelas nasabnya.<sup>11</sup>
- b. Untuk menjaga diri dari perbuatan-perbuatan maksiat. Iaitu dengan perkahwinan dapat menghalalkan hubungan kelamin sebagai salah satu tabiat kemanusiaan, dengan kahwin dapat memungkinkan lebih dapat menjaga dari yang dilarang oleh agama.
- c. Menimbulkan rasa cinta dan kasih sayang. Munculnya cinta dan kasih sayang tidak begitu saja muncul dalam diri manusia, tetapi memerlukan proses, salah satu proses iaitu dengan adanya perkahwinan.
- d. Untuk mentaati perintah Allah dan mengikuti sunnah Rasulullah SAW.

---

<sup>11</sup> Rusli dan R. Tama, *Perkawinan Antara Agama Dan Permasalahannya* (Bandung: Shantika Dharma, 1984), 23.

Perkahwinan iaitu ikatan zahir batin yang berlandaskan nama Allah SWT, maka sebelum memasuki hidup berumah tangga, seseorang harus menemukan jodohnya terlebih dahulu kerana jodoh memegang peranan penting dalam menciptakan sebuah bangunan rumah tangga yang didirikan agar kuat, damai tenteram dan sejahtera dalam bingkai *mawaddah wa rahmah*.

Untuk membangun sebuah binaan yang kuat, tentunya seseorang akan memilih bahan-bahan binaan yang berkualiti tinggi, letak yang strategik dan baik demi menjamin kekuatan dan kelestariannya. Dalam membuat binaan yang terdiri di atas batu dan tanah, manusia tidak dapat melakukannya secara asal kejadian atau sesuka hati. Apalagi dalam membangun dan membina keluarga yang terdiri dari lelaki, perempuan dan anak-anak. Pemilihan dan kajian dalam pembinaan keluarga lebih memerlukan perhatian, bangunan batu hanya berhubungan pada dunia fana sedangkan pembinaan keluarga berhubungan erat dengan kebahagiaan hidup di dunia dan akan mempengaruhi kehidupan di akhirat.

Adapun cara mendapatkan pasangan secara Islam biasanya disebut dengan perkahwinan terencana. Ini bukan bererti bahawa Islam mengajarkan praktik pemaksaan terhadap anak-anak gadis yang dijodohkan dengan pasangan-pasangan yang tidak sesuai, seperti yang difahami orang. Hal yang penting untuk diingat bagi perempuan terutama remaja adalah bahawa Islam memberi hak untuk membuat penentuan dalam masalah ini. Dan juga diberi hak untuk berkata tidak.

Pola budaya Islam yang biasa adalah orang tua atau keluarga mencari pasangan bagi anak-anak mereka, namun bukan berarti anak-anak dara tidak boleh menentukan pasangan hidupnya.

Untuk mencapai sesuatu, seseorang harus berusaha sehingga ia memperoleh apa-apa yang diinginkannya. Seperti firman Allah SWT:

... إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ ...

Maksudnya: “Allah tiada mengubah nasib suatu kaum, kalau kaum itu sendiri yang mengubah nasib mereka”.

Surah al-Ra‘d (13): 11

Daripada ayat di atas, Allah telah menciptakan makhluk yang ada di dunia ini secara berpasang-pasangan seperti baik buruk, tinggi rendah, lelaki perempuan, dan sejenisnya. Walaupun hal itu sudah jelas, namun soal jodoh ini tetap misteri yang perlu diungkap sendiri oleh manusia sebagai ikhtiar. Soal jodoh ini dalam realitinya tidak boleh dilogikkan secara matematik, ia memiliki logiknya sendiri sesuai ketentuan dari takdir Tuhan. Sehingga tak hairan kalau orang sering kecewa dan tidak menyangka sebagaimana sebuah pepatah *asam di gunung, garam di laut bertemu dalam satu belanga*. Artinya ibarat asam dan garam berjauhan tempatnya, kalau memang jodoh dan ditakdirkan oleh Tuhan, mereka akan tetap bertemu dalam suatu tempat yang mulia iaitu perkahwinan.

Masyarakat yang kurang memahami dan mendalami nasihat-nasihat agama, mereka sering mengatakan bahawa jodoh itu ada di tangan Tuhan. Hal tersebut merupakan sikap yang sangat pasrah. Mereka lupa bahawa segala pekerjaan yang

baik mahupun yang buruk bergantung kepada pelakunya, hasil dari proses langkah-langkah itulah kemudian menjadi takdir manusia yang harus dijalani.

Sebahagian dari persoalan yang terjadi di dalam sebuah rumah tangga sebagai akibat dalam memilih pasangan hidupnya. Proses pembinaan rumah tangga bermula sejak pemilihan calon isteri yang tepat, bererti sebahagian dari keberhasilan dari rumah tangganya telah ia peroleh. Fenomena terbesar dalam penghormatan terhadap perempuan sesudah kewajipan mengasuh dan mendidiknya iaitu memilihkan suami yang soleh. Maka seorang wali (ayah) berkewajiban untuk memilihkan calon suami untuk anak gadisnya, mencarikan lelaki yang beragama (bertakwa) untuk anak gadisnya, berakhlak mulia dan baik nasabnya, sehingga nantinya dalam menjalani kehidupan berumah tangga dapat dijalani dengan baik serta pergaulan yang baik.

Selanjutnya dijelaskan kepada sesiapa yang baik untuk dijadikan suami dan pemimpin rumah tangga, sehingga menjadikan keluarga yang bahagia sama ada di dunia ataupun di akhirat nanti, iaitu:

a. Mempunyai ketakwaan (beragama)

Lelaki yang berakhlak mulia dan baik menjadi ukuran pertama sebelum melihat harta dan martabatnya. Kekayaan tidaklah hanya berupa kebendaan sahaja, tetapi kekayaan peribadinya berupa sifat-sifat yang terpuji, tetapi Islam telah menganjurkan agar para ibu bapa tidak segan-segan untuk memilihkan anak gadisnya seorang pemuda yang dipandang soleh dan bertakwa.

Rasulullah SAW telah memberi contoh dengan menawarkan puteri beliau kepada Ali bin Abi Thalib, sedangkan Umar bin Khattab menawarkan puterinya kepada Usman bin Affan dan Abu Bakar.

b. Pemurah dan berakhlak mulia

Seorang wali (ayah) memilihkan suami untuk anak gadisnya agar memilihkan calon suami yang pemurah, yang mampu membimbing puterinya dan dapat memelihara kehormatan mereka. Seorang lelaki yang bijaksana, yang sentiasa takut kepada Allah, akan menggauli isterinya seperti yang diperintahkan Allah dalam al-Quran:

... وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ ۚ فَإِنْ كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَىٰ أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَتَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ

حَيْرًا كَثِيرًا ﴿١٩﴾

Maksudnya: “Pergaulilah isteri-steri kalian dengan cara yang baik, kalau kamu benci kepada mereka, hendaklah kamu bersabar, kerana boleh jadi kalian membenci sesuatu, padahal Allah menjadikan di balik itu suatu kebaikan yang banyak” .

al-Nisa'(4): 19

Seorang lelaki tentu mendambakan perempuan yang baik untuk dijadikan isterinya. Perempuan yang baik akan tetap menjadi pilihan semua lelaki bila dan di mana pun jua, seorang lelaki akan berusaha keras untuk mencarinya dan membentangkan semua jalan untuk mencapainya. Ini kerana perempuan yang baik mempunyai kemampuan untuk mengharmonikan seorang lelaki dengan dirinya sendiri, dengan kehidupan dan dengan alam secara keseluruhan.

Hal di atas tidak semudah yang kita inginkan, kerana jela bahawa memilih isteri bukanlah persoalan yang ringan, sebab banyak faktor yang harus dipertimbangkan, baik yang berkenaan dengan keperibadian, kebudayaan, keagamaan, dan sosial masing-masing memegang peranan penting bagi kelangsungan sebuah rumah tangga, termasuk keinginan-keinginannya, cita-cita serta perhatiannya.

Dalam mencontohkan kriteria isteri pilihan (calon isteri), Islam lebih menganjurkan memilih perempuan di antaranya:

a. Pemilihan atas dasar agamanya.

Agama yang dimaksudkan di sini iaitu pemahaman yang benar tentang Islam dan penerapan amaliahnya terhadap semua keutamaan dan adabnya yang tinggi.

Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ تُنْكَحُ الْمَرْأَةُ  
لأَرْبَعِ لِمَالِهَا وَلِحَسَبِهَا وَلِجَمَالِهَا وَلِدِينِهَا ، فَأَظْفَرُ بِذَاتِ الدِّينِ تَرَبَّتْ يَدَكَ

Maksudnya: “*Dari Abu Hurairah RA: Dari Nabi SAW bersabda: Wanita itu dikahwini kerana empat perkara: kerana hartanya, kerana kebangsawanannya, kerana kecantikannya dan kerana agamanya. Maka pilihlah yang beragama, mudah-mudahan engkau memperoleh penghasilan*”.<sup>12</sup>

Untuk membina dan mendidik anak-anak yang salih, Nabi SAW bersabda:

تَزَوَّجُوا الْوُدُودَ الْوُلُودَ فَإِنِّي مُكَاتِرٌ بِكُمْ الْأُمَمَ (رواه أبو داود)

Maksudnya: “*Kahwinilah perempuan-perempuan yang subur dan penyayang kerana saya akan berbahagia dengan jumlah kamu yang banyak di hadapan umat lain*”.

(Diriwayatkan Abu Dawud)

---

<sup>12</sup>Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, 2 :127.

Dalam hukum syarak persetujuan dalam berkahwin ada dua iaitu dalam bentuk kata-kata bagi pihak lelaki dan janda, dan dalam bentuk diam adalah keikhlasan bagi anak dara yang perlu diminta persetujuannya. Kerana kebiasaannya seorang anak dara itu malu untuk mengatakan kehendaknya secara langsung maka dengan diamnya sahaja sudah cukup. Sedangkan untuk penolakan harus dengan kata-kata<sup>13</sup>.

Sebagaimana sabda Nabi SAW :

عن أبي هريرة رضي الله عنه أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: لا تنكح لأيم حتى تستأمر ولا تنكح البكر حتى تستأذن قالوا يارسول الله! وكيف إذنها  
أقل: أن تسكت. (متفق عليه)

Maksudnya: “*Diriwayatkan dari Abu Hurairah RA: Nabi SAW bersabda: Tidak dapat dikahwinkan wanita janda sehingga dimintai perintahnya (persetujuannya); dan tidak dapat dikahwinkan anak dara sehingga dimintai izinnya. Sahabat bertanya: Ya Rasulullah, bagaimana izinnya? Jawab Nabi SAW: Jika ia diam*”<sup>14</sup>.

Hadis ini menunjukkan bahawa yang mempunyai hak mutlak dalam menentukan calon suami itu adalah wanita itu sendiri. Apabila orang tua menawarkan calon ataupun berniat ingin menjodohkan anaknya, tentu saja baik. Tetapi apabila yang ditawarkannya itu diam, bererti bersetuju. Oleh kerana itu, seorang anak dara harus berani bicara sekiranya ia tidak bersetuju. Walaupun yang menentukan itu wanita sendiri, tetapi yang berhak mengahwinkan tetap saja walinya.

Dalam ilmu fiqh dijelaskan bahawa meminta izin dan persetujuan seorang perempuan dalam perkahwinannya itu disebabkan atas keizinan terhadap gadis dan janda. Sebab janda lebih tahu atas dirinya dan berpengalaman dalam menjalani

<sup>13</sup> Ibn Rusyd, *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*, (Bayrut: Dar al-Fikr, 565 H), 1 : 4.

<sup>14</sup> Al-Hafiz bin Hajar al-Asqalani, *Bulugh al-Maram* (Semarang: Toha Putra, t.t.), 212.

kehidupan rumah tangga, izin seorang anak dara hanya dengan diamnya kerana anak dara merasa malu untuk berterus terang. Sedangkan bersetujunya terhadap seorang janda dengan perkataan yang jelas darinya. Jika seorang anak dara diam atau tersenyum dan tidak berteriak atau menangis sedih, maka itu tanda bersetuju darinya untuk melangsungkan perkahwinan.<sup>15</sup>

Dalam hal ini berkait langsung dengan perasaan seorang anak dara yang akan mendampingi suaminya seumur hidup. Dialah yang akan menjalani dan akan merasakan kebahagiaan serta ketenteraman dalam rumah tangganya, maka meminta persetujuan seorang anak dara dan janda dalam perkahwinan sangatlah dianjurkan. Sebab seorang perempuan memiliki hak untuk menentukan pilihannya.

Adapun yang membolehkan wali (bapa atau datuk) mengahwinkan anak perempuan tanpa izin ini menggantungkan bolehnya dengan syarat-syarat seperti berikut:

1. Tidak ada permusuhan antara bapa dan anak.
2. Lelaki pilihan wali harus dengan anak dara yang dikahwinkan.
3. Calon suami harus mampu membayar mahar .
4. Antara anak dara dan calon suami tidak ada permusuhan.
5. Lelaki pilihan wali akan dapat memenuhi kewajipan-kewajipannya sebagai suami yang baik, dan tidak terbayang akan berbuat yang mengakibatkan kesengsaraan isteri.<sup>16</sup>

Wali mujbir itu terbatas pada ayah dan datuk sahaja, jadi apabila yang akan mengahwinkan itu adalah selain ayah dan bapa misalnya bapa saudara, maka wajib

---

<sup>15</sup>Al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islam wa Adillatuh* (Bayrut: Dar al-Fikr), VII : 212-213.

<sup>16</sup>Sayyid Sabiq, *Fiqh Sunnah* 7, Trj. Mohammad Thalib (PT. Al Maarif, Bandung, cet.2, 1982), 16.

untuk meminta persetujuan dari si anak. Jika si anak tidak bersetuju maka si bapa saudara tidak boleh memaksa dan mengahwinkan tanpa izinnya. Apabila perkahwinan itu terjadi maka perkahwinan itu dapat dibatalkan kerana walinya itu bukanlah wali mujbir.<sup>17</sup>

Adapun mengenai pengantin yang masih anak dara yang telah dijodohkan dan dikahwinkan oleh ayahnya tanpa disetujui terdapat dalam hadis yang diriwayatkan Imam Ahmad, Abū Dāwūd, Ibn Mājah, dan al-Dāraqūṭnī dari Ibn ‘Abbas bahawa seorang gadis datang menemui Rasulullah SAW. Dan dia menceritakan kepada beliau tentang ayahnya yang mengahwinkannya dengan seorang lelaki yang tidak ia sukai, maka Rasulullah SAW menyuruh dia untuk memilih (menerima atau menolak). Hadis tersebut berbunyi :

وعن ابن عباس رضي الله عنه أن جارية بكرا أتت النبي صلى الله عليه وسلم  
ركذفت أن أباهما زوجها وهي كارهة فخيرها رسول الله صلى الله عليه وسلم.

Maksudnya: “*Dari Ibn ‘Abbas RA: ‘Seorang jariah perawan menghadap kepada Nabi SAW dan ia mengadukan bahawa ayahnya mengahwinkannya sedangkan ia tidak suka’. Lalu Rasulullah SAW menyuruh memilih*”.<sup>18</sup>

(HR Ahmad)

Mengahwinkan anak dara disertai dengan keterpaksaannya untuk berkahwin adalah bertentangan dengan dasar-dasar agama dan akal. Allah tidak membenarkan wali untuk memaksanya melakukan jual beli atau penyewaan tanpa izinnya, tidak pula memaksanya makan dan minum, atau memakai pakaian yang tidak diinginkannya. Oleh kerananya, bagaimana boleh wali memaksanya untuk mengahwini lelaki yang tidak dia sukai, dan menggauli lelaki yang tidak dia sukai?

---

<sup>17</sup>*Ibid.*

<sup>18</sup>Al-Asqalani, *Bulugh al-Maram*, 213.

Allah telah menjadikan cinta dan kasih sayang antara suami isteri. Jika perkahwinan tidak terjadi kecuali disertai kebencian dan ketidaksukaan isteri terhadap suaminya, maka cinta dan kasih sayang seperti apa yang ada di dalamnya? Perlu diperhatikan salah satu hikmah dan faedah perkahwinan itu adalah untuk mewujudkan rasa cinta dan kasih sayang antara lelaki dan perempuan.

Pada sebuah kesempatan, pernah seorang anak dara datang kepada Rasulullah SAW dalam keadaan bingung dan cemas. Kemudian dia mengatakan:

حَدَّثَنَا هَنَّادُ بْنُ السَّرِيِّ حَدَّثَنَا وَكَيْعٌ عَنْ كَهْمَسِ بْنِ الْحَسَنِ عَنْ ابْنِ بُرَيْدَةَ عَنْ أَبِيهِ  
قَالَ جَاءَتْ فَتَاةٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ إِنَّ أَبِي زَوَّجَنِي ابْنَ أَخِيهِ لِيَرْفَعَ  
بِي خَسِيْسَتَهُ. قَالَ فَجَعَلَ الْأَمْرَ إِلَيْهَا. فَقَالَتْ قَدْ أَجَزْتُ مَا صَنَعَ أَبِي وَلَكِنْ أَرَدْتُ أَنْ  
تَعْلَمَ النِّسَاءُ أَنَّ لَيْسَ إِلَى الْآبَاءِ مِنَ الْأَمْرِ شَيْءٌ.

“Ya Rasulullah, bebaskan saya dari tangan ayah saya ini...”

“Tetapi, apa yang telah dilakukan ayahmu?” Tanya Nabi SAW.

“Ia mempunyai seorang saudara lelaki,” jawab anak dara itu, “dan ia telah menjodohkan saya dengan lelaki saudaranya itu sebelum menanyakan pendapat saya tentang hal itu,”

“Kerana ia telah melakukannya,” kata Nabi, “Hendaklah engkau jangan menentangnya. Setujuilah hal itu, dan jadilah engkau isteri saudara sepupumu itu.”

“ Ya Rasulullah! Saya tidak suka pada sepupu saya itu. Bagaimana mungkin saya menjadi isteri dari lelaki yang tidak saya sukai?”

“Apabila engkau tidak menyukainya, ini memang masalah utama. Engkau mempunyai hak yang penuh. Pergilah dan pilihlah lelaki yang engkau sukai.”

“Kebetulan,” anak dara itu akhirnya mengakui, “Saya sangat suka akan sepupu saya itu dan saya tidak menyukai sesiapa pun lainnya. Tetapi kerana ayah saya melakukan hal ini tanpa meminta persetujuan saya maka dengan sengaja saya telah datang ke sini untuk mengajukan pertanyaan tentang hal ini dan mendapatkan jawapan dan mendengarkan keputusanmu. Saya akan memberi tahu kepada semua wanita bahawa mulai sekarang para ayah (orang tua) tidak berhak mengambil keputusan mereka sendiri atau menjodohkan/mengkahwinkan anaknya dengan siapa yang mereka kehendaki.”<sup>19</sup>

<sup>19</sup>Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah Bab Kahwin Paksa*, no hadis. 1947, 6 : 59.

Sekarang, coba kita lihat bagaimana Rasulullah SAW ketika mengkahwinkan puterinya Fatimah dengan ‘Ali bin Abi Thalib.

“Ketika itu Ali menceritakan , “Suatu ketika, beberapa sahabat mendatangkiku seraya berkata, ‘*Wahai Ali! Alangkah baik jika engkau datang menjumpai Rasulullah SAW untuk melamar puterinya.*’ Setelah aku fikir, maka aku laksanakan usulnya itu.

Dengan perasaan malu, aku berkunjung ke rumah Rasulullah SAW. Setibanya di rumah Rasulullah, beliau bertanya tentang maksud kedatanganku. Sebagai pendahuluan, aku bercerita mengenai kerjaku dalam memperjuangkan Islam dan jihad di sisi beliau, di jalan Allah. Rasulullah SAW berkata, ‘*Wahai Ali! Yang engkau katakan adalah benar dan bahkan jasamu lebih dari itu*’

“Sebenarnya maksud kedatanganku adalah untuk melamar Fatimah putrimu. Adakah aku layak untuk itu?” tanyaku ragu.

Dalam jawabannya, Rasulullah berkata, “Sebelumnya, telah ada beberapa sahabat yang melamar Fatimah, namun tiada seorangpun yang berkenan dan mampu menambat hatinya. Tetapi baiklah engkau tunggu, sehingga aku kembali, akan aku sampaikan maksudmu itu kepadanya.”

Rasulullah segera menjumpai puterinya.

Dan sewaktu Fatimah melihat ayahnya sedang datang menuju kepadanya, wanita mulia itu bangun dari duduknya dan menyambut serta mempersilakan ayahnya.

Rasulullah berkata, “Wahai buah hatiku! Ali bin Abi Thalib tidaklah asing bagi keluarga kita. Engkau kenal keutamaannya dan juga kedekatannya kepadaku. Sejak lama aku berdoa kepada Allah agar engkau memperoleh suami yang paling dicintai oleh Allah. Kini dia telah meminangmu, bagaimanakah pendapatmu?”

Fatimah terdiam dan tertunduk malu. Wajah puteri Rasul ini menunjukkan tanda setuju.

Kemudian Rasulullah kembali kepadaku seraya memberitahukan, “Puteriku setuju untuk menjadi isterimu.”

Maka Malaikat Jibrail turun dan berkata, “Wahai Muhammad! Kahwinkanlah Fatimah dengan Ali. Allah telah menetapkan Fatimah untuk Ali demikian juga Ali untuk Fatimah. Kemudian Rasul mengangkat kedua tangannya dan berdoa: *Ya Tuhan. Dua orang ini adalah makhluk-Mu yang paling aku cintai. Sayangilah dan berkatilah mereka dan peliharalah anak-anak mereka. Aku serahkan dua orang ini berserta anak-anak mereka kepada penjagaan-Mu dari gangguan syaitan*<sup>20</sup>.

---

<sup>20</sup>*Ibid.*, 162-164.

Merujuk kepada perkahwinan Ali dan Fatimah, Rasulullah SAW telah mencontohkan bagaimana seharusnya sikap seorang ayah yang perlu diteladani oleh umat Islam. Sikap Rasul ini tentu saja menjadi contoh yang baik khususnya bagi masyarakat Bugis di Pulau Kijang agar dalam menjodohkan anak perlu diperhatikan bahawa:

- a. Sekali pun orang tua mempunyai keinginan yang kuat untuk menjodohkan dan mengahwinkan anaknya, bahkan dengan alasan-alasan yang kelihatan demikian cerdas, bijak dan arif bahawa jika si anak berkahwin dengan orang yang dipilihkan oleh kedua orang tuanya itu, maka tanpa persetujuan dan pemberitahuan terlebih dahulu, hal ini jelas merupakan penentangan dari Sunnah Rasul sendiri.
- b. Seorang anak mempunyai hak yang penuh untuk menolak perjodohan yang dilakukan oleh orang tua/keluarganya.
- c. Seorang anak berhak memilih pasangannya sesuai dengan hati dan perasaannya sendiri, mesti sesuai dengan syariat Islam, bukan menurut selernya sendiri, lebih-lebih lagi selera yang telah dikongkongoleh nafsu-nafsu rendah<sup>21</sup>.

Dalam pemilihan jodoh ini terdapat dalam hadis Nabi SAW :

عن أبي رهيرة رضي الله عنه أن النبي صلى الله عليه وسلم قال: تنكح المرأة لأربع: لمالها ولحسبها ولجمالها ولدينها فاظفر بذات الدين تربت يداك. (متفق عليه)

Maksudnya: “Dari Abu Hurairah RA dari Nabi SAW bersabda: kahwinilah perempuan itu kerana empat hal: Kerana hartanya, kerana kedudukannya, kerana kecantikannya dan kerana agamanya, hendaklah engkau memilih yang beragama, pasti engkau berbahagia.”<sup>22</sup>

(Muttafaqun ‘alayh)

---

<sup>21</sup>Ibid., 167.

<sup>22</sup>Al-Asqalani, *Bulugh al-Maram*, 209.

Selain itu, penyebab perkahwinan yang terjadi kerana dijodohkan itu juga agar harta yang dimiliki tidak jatuh ke tangan orang lain (menantu yang bukan berasal dari kerabat sendiri) Sedangkan masalah rezeki, maut dan jodoh telah diatur oleh Allah. Dan lagi pula harta itu tidak akan dibawa ke akhirat dan tidak akan kekal.

Perkahwinan yang terjadi kerana dijodohkan dalam masyarakat Bugis di Pulau Kijang, akibatnya berbeza-beza. Ada yang kehidupan perkahwinannya dapat berjalan dengan baik sahaja walaupun pada mulanya mereka tidak bersetuju. Namun ada pula yang kehidupan rumah tangganya tidak harmoni dan sering terjadi pertengkaran. Dari kehidupan rumah tangganya tidak harmoni inilah yang menimbulkan permasalahan.

Apabila terjadi pertengkaran atau permusuhan antara suami isteri yang dijodohkan tersebut, Allah telah memerintahkan agar mengutus *hakam*<sup>23</sup> yang akan memutuskan apa yang terbaik bagi keduanya, baik bersatu atau berpisah, dan berpisah dengan penukaran (tebusan yang dikeluarkan oleh isteri) atau tidak.<sup>24</sup>

Akibat tidak harmoninya itu tidak hanya terjadi antara pasangan yang dijodohkan sahaja, tetapi juga terhadap anak yang dijodohkan dengan orang tuanya. Si anak menjadi sering menyalahkan orang tua dan berkata kasar, sehingga hal ini boleh sahaja menjadikan si anak menjadi durhaka kerana bersikap tidak baik kepada orang tuanya. Allah SWT berfirman :

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۚ إِنَّمَا يُبَلِّغُنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا  
أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا .

<sup>23</sup>Hakam adalah juru damai yang dipilih dari keluarga suami dan juga keluarga isteri.

<sup>24</sup>Majdi Fathi Ali Kuhai, *Fatwa-Fatwa Pernikahan dan Hubungan Suami Istri* (Jakarta: Kalam Pustaka, 2006), 84.

Maksudnya: “Dan Tuhan mu telah memerintahkan agar kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya sampai berusia lanjut dalam pemeliharaan mu, maka sekali-kali janganlah engkau mengatakan perkataan “Ah” dan janganlah engkau membentak keduanya, dan ucapkanlah kepada keduanya perkataan yang baik”.<sup>25</sup>

Surah al-Isra (17): 23

Mengucapkan kata “Ah” kepada orang tua dilarang oleh agama, apalagi mengatakan kata-kata atau memperlakukan orang tua dengan lebih kasar daripada itu. Yang perlu diperhatikan di sini iaitu bahawa Syarak tidak memaksa perempuan untuk berkahwin jika dia tidak menghendaki, dan begitu pun bagi pihak lelaki. Jika di antara pasangan yang berkahwin kerana dijodohkan tersebut terjadi permusuhan, urusannya diserahkan kepada orang yang melihat kepada maslahat dari keluarga isteri dan juga keluarga suami. Sehingga ada hak *khiyar* (memilih) bagi pasangan tersebut sama ada tetap melanjutkan perkahwinan itu atau bercerai.

Hasil yang positif dari perkahwinan kerana dijodohkan itu adalah ikatan nasab akan lebih erat di antara kerabat yang bersangkutan, dan hal itu sangat membantu dalam hubungan silaturahim. Kerana perjodohan yang terjadi dalam masyarakat Bugis adalah masih memiliki hubungan kekerabatan.

Pada dasarnya perkahwinan itu seperti jual beli iaitu harus sama-sama mahu dan ikhlas dari kedua belah pihak terutama kedua calon pengantin. Tidak boleh ada paksaan dari pihak mana pun, termasuk orang tua. Meskipun orang tua tersebut yakin bahawa calon menantunya itu baik dan dapat membahagiakan keluarga. Ada hadis

---

<sup>25</sup>Departemen Agama RI, *op. cit.*, h. 387.

yang diriwayatkan oleh Jama'ah, kecuali Imam al-Bukhārī dari Ibn ‘Abbas bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

الثَّيْبُ أَحَقُّ بِنَفْسِهَا مِنْ وَلِيِّهَا وَالْبِكْرُ تُسْتَأْمَرُ وَإِذْنُهَا سُكُوتُهَا (رواه الجماعة الا  
البخاري)

Maksudnya: “Janda lebih berhak kepada dirinya sendiri dari pada walinya, dan anak dara hendaknya diminta izinnya dalam perkara dirinya. Izin seorang anak dara ialah diamnya”.

Persoalan sah atau tidak suatu perkahwinan bergantung kepada faktor lain iaitu terpenuhnya syarat dan rukun perkahwinan. Kehadiran calon pengantin perempuan yang dipaksa pada saat ijab qabul serta yang bersangkutan benar-benar mengetahui bahawa dirinya dikahwinkan oleh walinya.

Apabila perkahwinan itu sudah berlaku, maka kewajipan seorang isteri atau suami memenuhi kewajipan masing-masing, termasuk seorang isteri atau suami memenuhi permintaan pasangannya. Mengenai seorang isteri yang meminta cerai kepada suaminya, itu sangat bergantung kepada faktor-faktor yang menyebabkan bolehnya sang isteri meminta cerai dari suaminya. Misalnya kerana tidak boleh mencintai dan menyukai sekalipun telah diupayakan dengan bersungguh-sungguh untuk dapat mencintai pasangannya. Hendaklah selalu diingat oleh setiap Muslim bahawa sesuatu perkara yang halal namun dibenci Allah adalah talak.<sup>26</sup>

---

<sup>26</sup>Miftah Faridl, *150 Masalah Nikah Dan Keluarga*(Jakarta: Gema Insani Press, 1999), 28 – 29.

### 2.3 Syarat dan Rukun Perkahwinan

Menurut hukum Islam, suatu perkahwinan dapat dikatakan sah apabila telah memenuhi syarat dan rukun perkahwinan, iaitu: <sup>27</sup>

#### 1. Calon suami, syarat-syaratnya:

Ulama Syafi'iyah, Malikiah, Hanabilah, dan Hanafiah bersepakat bahawa syarat untuk calon suami itu adalah beragama Islam, lelaki, jelas orangnya, dapat memberikan persetujuan, tidak terdapat halangan perkahwinan seperti tidak dalam keadaan ihram atau haji. Dan Syafi'iyah menambahkan syarat bagi suami iaitu: perempuan yang dinikahi bukan mahram dan harus bukan dalam keadaan terpaksa. Sedangkan Hanabilah menambahkan syaratnya adanya wali dalam pernikahan. Ulama Malikiah menambahkan syaratnya bahawa suami bukanlah termasuk *khunthah musykil* (pondan yang mempunyai dua alat kelamin), sihat dan sedarjat, dan tidak adanya kesepakatan suami dengan para saksi untuk menyembunyikan perkahwinan.<sup>28</sup>

#### 2. Calon isteri, syarat-syaratnya:

Seluruh ulama bersepakat tentang syaratnya adalah beragama Islam, perempuan, jelas orangnya, dapat diminta persetujuannya, tidak terdapat halangan perkahwinan, tidak dalam keadaan ihram atau haji. Ulama Hanabilah menambahkan syaratnya jika seorang calon isteri mengajukan syarat, maka syarat-syaratnya itu harus sesuai dengan aturan syariat Allah.

---

<sup>27</sup>Sayyid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah* (Bayrut: Dar al-Fikr, 1992), 2 :24.

<sup>28</sup>Al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami*, 87-93.

### 3. Wali nikah, syarat-syaratnya:

Para ulama sepakat tentang syarat-syarat wali itu adalah Islam, kerana orang kafir tidak boleh menjadi wali. Ini adalah kesepakatan pendapat para ulama, lelaki, berakal, kerana orang yang tidak berakal tidak dapat menjaga kemaslahatan dari dirinya, dewasa, mempunyai hak perwalian dan tidak terdapat halangan perwaliannya.

### 4. Saksi nikah, syarat-syaratnya:

Adapun syarat-syaratnya adalah: minimum dua orang lelaki. Menurut Syafi'iyah dan Hanabilah mensyaratkan agar dua orang saksi tersebut lelaki, dan mereka melarang perempuan menjadi saksi dalam perkahwinan. Sementara Hanafiyah membolehkan kesaksian seorang lelaki dan dua orang perempuan. Ibn Hazm juga berpendapat demikian, bahkan mereka mengatakan boleh dipersaksikan oleh empat orang perempuan.<sup>29</sup> Adil; adapun adil yang dimaksudkan adalah menurut Syafi'iyah dan Hanabilah adalah tidak kelihatan kefasihan dari dirinya.<sup>30</sup> Hadir dalam ijab kabul, dapat mengerti maksud akad, tidak sah kesaksian orang yang sedang tidur. Adapun kesaksian orang bisu tetap sah jika dapat dia mendengar dan memahami perkataan kedua belah pihak yang berakad. Harus seorang Muslim, tidak ada perselisihan tentang disyariatkannya hal itu pada saksi dan harus dewasa.<sup>31</sup>

### 5. Ijab Qabul dan Syarat-syaratnya:

Para ulama sudah mensyaratkan tentang syarat ijab dan qabul itu adalah adanya pernyataan mengahwinkan dari wali, adanya pernyataan penerimaan dari

---

<sup>29</sup>Abu Malik Kamal bin al-Sayyid Salim, *Sahih Fiqih Sunnah*, terj.(Pustaka at-Tazkia: Jakarta, 2006), 4 : 206.

<sup>30</sup>*Ibid.*

<sup>31</sup>*Ibid.*

calon pengantin, memakai kata-kata nikah, *tazwij* atau terjemahan dari kedua kata tersebut, jika salah satu dari kedua belah pihak tidak mengerti bahasa Arab, maka boleh melangsungkan akad dengan selain Bahasa Arab. Tetapi jika keduanya sudah mengerti bahasa Arab, maka menurut Syafi'iyah dan Hanabilah menganjurkan dengan lafaz bahasa Arab kerana demikianlah yang terbaik<sup>32</sup>. Adapun ucapan ijab qabul bagi orang bisu, maka jumhur ulama sepakat bahawa bahasa isyarat yang dapat difahami secara bersama, diakui menurut syariat dan sah perkahwinannya.<sup>33</sup>

Adapun syarat berikutnya adalah antara ijab dan qabul bersambungan, menurut Hanafiyah, Malikiyah dan Hanabilah melafazkan ijab qabul secara tidak bersambungan itu tidak merosak akad selama ucapan tersebut diucapkan dalam satu majlis.<sup>34</sup> Sedangkan menurut Syafi'iyah disyaratkan kesegeraan dalam akad. Ertinya ucapan qabul harus dilakukan segera setelah ijab secara langsung dan tidak terpisah oleh perkataan lain.<sup>35</sup> Kemudian antara ijab dan qabul jelas maksudnya, orang yang terkait dengan ijab dan qabul tidak sedang ihram haji atau umrah. Majlis ijab dan qabul itu harus dihadiri minimum oleh empat orang iaitu calon pengantin atau wakilnya, wali dari pengantin perempuan dan dua orang saksi.

Hanabilah dan Hanafiah mengatakan apabila pengantin lelaki dan perempuan mensyaratkan *khiyar* (hak memilih atau menentukan) untuk membatalkan atau menarik kembali akad nikah, maka akad nikah itu tetap sah, sedangkan syaratnya

---

<sup>32</sup>*Ibid.*, 180.

<sup>33</sup>*Ibid.*, 181.

<sup>34</sup>*Ibid.*

<sup>35</sup>Muhammad Jawad Mughniyah, *al-Fiqh 'alā al-Madhāhib al-Khamsah* (terj), (Jakarta: Lentera, 1999), 311.

batal (tidak berlaku). Sementara itu, menurut Malikiyah harus dilihat dulu, jika mereka belum campur maka akad dan pensyaratannya batal. Tetapi bila mereka telah campur, maka akad nikahnya sah, sedangkan syaratnya batal. Sedangkan Syafi'iyah berpendapat bahawa akad dan pensyaratannya batal tanpa ada perincian apakah mereka sudah campur atau belum.<sup>36</sup> Kemudian semua imam mazhab sepakat bahawa akad yang dilakukan dengan bermain-main itu tetap sah.<sup>37</sup>

Di samping rukun dan syarat tersebut di atas, menurut para ulama, mahar itu hukumnya wajib dan ditempatkan sebagai syarat sahnya dalam perkahwinan berdasarkan al-Quran dan sunnah. Hal ini berdasarkan al-Quran surah al-Nisa' ayat 4 dan 24.

Di dalam al-Quran surah al-Nisa': 4, Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Berikanlah mahar sebagai pemberian yang wajib. Kemudian jika mereka menyerahkan kepada kamu sebahagian mahar itu dengan senang hati, maka gunakanlah (makanlah) pemberian itu dengan sedap dan nikmat".

Dalam al-Quran, Allah SWT berfirman:

...وَأَحِلَّ لَكُمْ مَا وَرَاءَ ذَلِكَ أَنْ تَبْتَغُوا بِأَمْوَالِكُمْ مُحْصِنِينَ غَيْرَ مُسَافِحِينَ فَمَا اسْتَمْتَعْتُمْ بِهِ مِنْهُنَّ فَآتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ فَرِيضَةً...

Maksudnya: "Dihalalkan bagimu (mengahwini) perempuan-perempuan dengan hartamu (mahar), serta beristeri dengan dia, bukan berbuat jahat. Jika kamu telah menikmati (bersetubuh) dengan perempuan itu, hendaklah kamu memberikan kepadanya mas kahwin (*ujūr, farīdah*) yang telah kamu tetapkan".

Surah al-Nisa'(4): 24

---

<sup>36</sup>*Ibid.*, 312.

<sup>37</sup>*Ibid.*, 316.

## 2.4 Kesan Buruk Perkahwinan Kerana Dijodohkan

Manusia memang diciptakan untuk berpasang-pasangan antara lelaki dan perempuan untuk menjadi suami isteri. Akan tetapi banyak orang tua atau wali yang merosakkannya dengan memaksakan kehendak kepada anaknya dengan memberikan jodoh yang mungkin tidak sesuai dengan keinginan yang dijodohkan. Jika anaknya mahu dengan senang hati, tidak mengapa, namun jika tidak bersetuju atau terlihat sedih sebaiknya jangan diteruskan.

Perjodohan memang maksudnya baik. Akan tetapi harus melihat kepada situasi dan kondisi. Jika anak kita boleh mencari jodoh sendiri dengan baik, sebaiknya orang tua memberi sokongan dan arahan saja. Tetapi apabila anak kita belum mendapat jodoh dan minta dijodohkan kerana takut salah pilih pasangan hidup, ada baiknya orang tua atau wali membantu mengenalkan dengan lawan jenis yang mungkin akan disukai anak kita. Jika tidak mahu sebaiknya jangan dipaksa kerana hanya akan berakibat buruk kepada kedua-dua pasangan tersebut.

Beberapa akibat negatif kerana perjodohan yang dipaksakan<sup>38</sup>:

### 2.4.1 Tidak ada cinta

Tujuan perkahwinan dalam QS. Al-Rum 30: 21 adalah agar terbentuknya keluarga *sakinah mawaddah warahmah*.

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً  
وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

Maksudnya : “dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu

---

<sup>38</sup>Miftahul Huda, *Kawin Paksa, Ijbar Nikah dan Hak – Hak Reproduksi Perempuan*, (Yogyakarta; STAIN Ponorogo Press, 2009), h. 78.

*cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya diantaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir”.*

Jika dari awal tidak ada cinta, boleh jadi setelah berkahwin tetap tidak ada cinta di antara kedua orang yang dijodohkan tersebut. Hal ini tidak akan terwujud keluarga *sakinah mawaddah warahmah*. Kerana banyak orang yang sebelum berkahwin saling suka dan punya rasa cinta, tetapi setelah berkahwin barulah ia tahu sifat asli masing-masing pasangan hidupnya yang saling tidak suka dan akhirnya terjadi pergaduhan dalam rumah tangganya yang berakibat permusuhan dan perceraian. Apalagi yang dari awal ada rasa kebencian yang sangat kerana dipaksa untuk berkahwin mestilah tiada kedamaian, *mawaddah wa rahmah* dalam rumah tangganya.

#### 2.4.2 Kehilangan ghairah hidup

Jika sudah tidak ada cinta dalam hidup, boleh membuat orang malas menjalani sisa hidup. Apalagi jika ditambah pula mempunyai pasangan mempunyai banyak keburukan yang tidak mahu diperbaiki, ekonomi sulit, keluarga pasangan tidak baik, lingkungan masyarakat sekitar kurang baik, dan lain-lain. Jika sudah begitu maka boleh membuat seseorang menjadi cepat marah, malas, dengki, dan lain sebagainya.

#### 2.4.3 Kurang peduli keluarganya

Berkahwin kerana terpaksa akibat dijodohkan boleh membuat seseorang menjadi kurang peduli dan kurang mencintai keluarganya. Suami atau isteri boleh diacuhkan bahkan anak-anak pun boleh juga tidak dipedulikan kerana tidak ada rasa

cinta dari awal perkahwinan dan kebencian terhadap perkahwinan paksa yang dijalaninya dengan penuh kepura-puraan.

#### 2.4.4 Memungkinkan tidak setia

Yang bahaya adalah jika setelah berkahwin satu atau kedua belah pihak mencari cinta yang lain yang lebih sejati tanpa kepura-puraan. Boleh jadi akan ada jalinan kasih kembali dengan bekas kekasih atau lelaki/perempuan lain yang baru dicintainya.

#### 2.4.5 Boleh menimbulkan konflik dan akhirnya bercerai

Apabila sudah tidak ada ghairah dalam menjalani rumah tangga, tidak ada cinta, tidak peduli terhadap anak dan suami/isteri, tidak setia, sering berselisih dengan anggota keluarga, terjadi kekerasan fizik, dan lain-lain maka boleh menjadi alasan yang berujung pada perceraian. Yang menjadi korban tidak lain adalah anak-anak hasil perkahwinan yang dijodohkan tersebut.

### **2.5 Konsep Wali Mujbir dalam hukum Syarak**

Dalam memilih pasangan hidup sentiasa berkaitan dengan hak wali ijbar. Hal ini berkembang ditengah masyarakat bahawa wali ijbar itu sama dengan kahwin paksa. Dengan kata lain bahawa seorang wali (ayah) punya hak untuk memaksa dan menentukan jodoh anaknya. Padahal dalam tinjauan fiqih Islam, yang dimaksud dengan wali mujbir itu adalah merupakan suatu tindakan untuk melakukan sesuatu atas dasar tanggungjawab. Adapun orang yang memiliki hak ijbar adalah ayah atau datuk. Dalam hak ijbar dilakukan sebagai bentuk perlindungan ayah terhadap

anaknyanya, kerana keadaan dirinya yang belum memiliki kemampuan atau lemah untuk bertindak.<sup>39</sup>

Dilihat dari konsep tersebut, maka istilah *ijbar* berbeza dengan *ikrah*. *Ikrah* adalah suatu paksaan kepada seseorang untuk melakukan suatu pekerjaan tertentu yang disertai dengan ancaman yang membahayakan jiwa dan tubuhnya sehingga dia sendiri tidak mampu melawannya.<sup>40</sup>

Dengan demikian dapat dipafahami bahawa hak *ijbar* sangat berbeza dengan *ikrah*. Hal yang terpenting dalam hak *ijbar* adalah sebatas kewajipan orang tua untuk melindungi anaknya dari ancaman perkahwinan, sementara *ikrah* adalah perbuatan memaksa melakukan sesuatu yang disertai ancaman.

Oleh kerana itu, sebaiknya jangan menjodohkan anak atau orang lain dengan cara memaksa. Kerana hasilnya tidak baik kepada pasangan yang menjalani kehidupan berumah tangga, maka hendaklah ada perbincangan dengan orang yang dijodohkan baik yang satu mahupun keduanya supaya tiada penyesalan di kemudian hari. Biarlah mereka mencari dan menentukan sendiri pilihan masing-masing. Dan kita hanyalah sebagai perantara, penasihat dan memberikan pemikiran yang positif serta pengalaman yang baik dalam berumah tangga, sehingga mereka beroleh keluarga *sakinah, mawaddahwa rahmah*.

---

<sup>39</sup>Husein Muhammad, *FiqhPerempuan*, (Yogyakarta, LKis, 2001), 25

<sup>40</sup>*Ibid.*